

Khairy minta pandangan ahli

BA-61812006

Naib Ketua Pemuda Umno sedia undur jika fitnah dianggap liabiliti kepada parti

Oleh Azman Zakaria
dan Azman Mahmood

KUALA LUMPUR: Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, berkata beliau sedia berundur daripada memegang jawatan parti jika dianggap liabiliti kepada parti.

Bagaimanapun katanya, jika ahli pergerakan itu berasa beliau boleh membantu Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menjalankan tugas, dia akan terus berjuang bersama barisan Pemuda.

Katanya, pelbagai tohmahan dan fitnah kini dilemparkan kepadanya seperti dakwaan beristeri dua, berkahwin dengan pelakon dan pengacara popular, Maya Karin yang boleh menjejaskan kredibiliti Pemuda Umno kerana jawatannya sebagai Naib Ketua.

"Kalau saya dah jadi liabiliti kepada Umno, saya akan undur," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Cheras, di sini.

Pada sidang media kemudian, Khairy berkata, beliau akan mendapatkan gambaran jelas dengan melihat sendiri sentimen pada peringkat akar umbi terhadap isu kebangsaan, isu Pemuda, isu antarabangsa serta isunya sendiri.

"Saya nak minta pandangan ahli Pemuda daripada akar umbi sama ada saya sudah menjadi liabiliti dengan pelbagai spekulasi terhadap saya," katanya sambil menjelaskan se-



BERI PENJELASAN: Khairy berucap ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Cheras, semalam.

barang keputusan mengenai kedudukannya hanya boleh ditentukan ahli pergerakan itu kerana mereka yang memilihnya.

Ketika ditanya dakwaan ada pegawai yang bekerja di tingkat empat Pejabat Perdana Menteri yang mempengaruhi keputusan kerajaan, Khairy berkata, dakwaan itu tidak

“*Jika saudara rasa saya boleh bantu Ketua Pemuda, saya tetap bersama saudara*”

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno

berasas sama sekali kerana sudah tentu semua keputusan berkaitan kerajaan dibuat Perdana Menteri bersama Jemaah Menteri.

"Untuk menyatakan penasihat dan pegawai yang tentukan masa depan negara dan keputusan kerajaan, ini adalah satu penghinaan cukup besar kepada Perdana Menteri (Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi)... seolah-olah Perdana Menteri tak mampu buat keputusan sendiri. Perdana Menteri lah yang buat keputusan bersama Jemaah Menteri," katanya.

Ketika ditanya dakwaan beliau menjadi jutawan dalam masa singkat seperti dapat membeli saham ECM Libra Bhd, Khairy berkata, beliau membeli saham itu bukan menggunakan wang sendiri.

"Saya pinjam duit itu. Segalanya pinjaman, bukan duit saya sendiri. Mujur ada orang nak pinjamkan duit. Saya ambil pinjaman daripada mereka yang jual saham itu," katanya.

Pada majlis berasingan, selepas merasmikan mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Wangsa Maju di Pusat Komuniti Taman Ibu Kota, Khairy berkata, Umno tidak akan memberi ruang kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kembali ke dalam Umno kerana sudah melakukan kesilapan sehingga memecah-belahkan perpaduan parti.

"Selagi saya pegang jawatan Naib Ketua Pemuda, kita tetap dengan pendirian bahawa pintu Umno sentiasa tertutup bagi Anwar," katanya.

Mengenai Pemuda Umno dikatakan mengambil alih memperjuangkan isu keamanan dan keganasan Israel ke atas Palestin dan Lubnan sehingga mengetepikan pihak lain, Khairy berkata, isu itu sudah menjadi agenda utama Pemuda Umno untuk diperjuangkan demi keamanan sejagat.